

20/01/1998

Usah bertindak memberatkan keadaan

KELMARIN Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek bercakap mengenai peraturan yang perlu dilakukan oleh majikan yang mahu memecat pekerja. Beliau berkata kementeriaannya mewajibkan majikan yang mahu bertindak demikian melaporkan tindakan mereka kepada Ketua Pengarah Buruh, sekurang-kurangnya sebulan sebelum pemberhentian dilakukan. Kita percaya Lim membuat penjelasan itu kerana memikirkan kemungkinan perkara yang tidak diinginkan akan terjadi sekiranya kegawatan ekonomi terus melanda negara, yang akan menyebabkan majikan bertindak sesuka hati. Di negara jiran, pembuangan pekerja sudah berlaku secara meluas. Oleh itu, secara halusnya mungkinkah mesej yang cuba disampaikan yang rakyat harus bersedia menerima kenyataan itu. Namun, ini tidak bermakna kita harus putus harapan. Senario sebagaimana di negara jiran itu sukar merebak ke negara ini. Pada kita niat Lim tidak lebih daripada memberi peringatan kepada majikan supaya sebelum melakukan sesuatu tindakan bertentangan dengan undang-undang pekerjaan, mereka hendaklah melakukannya mengikut proses yang ditetapkan.

Kita berpendapat tanpa diberitahu pun, setiap majikan sudah arif mengenai perkara itu. Majikan bukan saja perlu mematuhi syarat, malah perlu berbincang terlebih dulu dengan kesatuan sekerja. Dalam banyak keadaan, kesatuan sekerja akan mencari pelbagai cara untuk menghalang majikan membuang pekerja. Tetapi segala keputusan tertakluk kepada Ketua Pengarah Buruh selepas membuat pertimbangan terperinci mengenainya. Pada kita niat Lim adalah baik kerana dengan cara itu akan mengingatkan majikan supaya tidak membuang pekerja sesuka hati. Ini kerana tindakan membuang kerja seseorang, bukanlah boleh dibuat sesuka hati. Sebaliknya, jika mereka masih tidak boleh bertahan, kita berpendapat adalah lebih baik mereka membuang pekerja dengan memberi rekod yang tersusun.

Cuma, apa yang kita tidak mahu ialah penjelasan Lim itu ditafsirkan sebagai `menyediakan bantal kepada orang yang mengantuk' sedangkan mereka tahu memberhentikan pekerja adalah langkah terakhir yang dibenarkan selepas semua usaha lain gagal memulihkan keadaan ekonomi. Pembuangan kerja hanya boleh diluluskan selepas pihak berkuasa seluruh operasi dan perbelanjaan ditanggung. Ia bukan sesuatu yang boleh direka-reka secara spontan.

Walaupun Lim menjelaskan sebagai langkah memberhentikan pekerja, majikan boleh mengurangkan masa bekerja kakitangannya, mengurangkan hari bekerja, menyusun semula jadual bekerja dan membuat tawaran berhenti kerja secara sukarela, kita berharap ia bukanlah peraturan yang perlu dipatuhi jika kewangan syarikat masih kukuh. Pada kita jika majikan terus melakukan tindakan itu tanpa mengambil kira kesan yang akan dihadapi, kita berpendapat mereka tidak membantu kerajaan untuk mendapatkan keyakinan pihak asing untuk melabur ke negara ini. Walau apapun, kita berpendapat kenyataan Lim itu tidak perlu dibuat pada masa ini kerana ia hanya membuka mata majikan supaya berbuat demikian jika matlamat mereka untuk mengecilkan saiz operasi. Dengan kenyataan Lim itu, seolah-olah menunjukkan kerajaan merestui pembuangan pekerja, asalkan ia dilakukan mengikut peraturan.

Sepatutnya Lim berkeras melarang syarikat bertindak membuang pekerja, bukan mengajar mereka cara membuang. Kita tahu pembuangan pekerja adalah langkah terakhir sepatutnya diambil dalam mengatasi kegawatan hari ini. Itupun hanya dilakukan selepas ekonomi negara sudah tidak dapat dibendung lagi. Pada kita ini adalah sesuatu yang mustahil berlaku ke atas negara

ini. Kita berpendapat pada masa ini adalah waktu yang harus kita tumpukan untuk meyakinkan pelabur mengenai potensi kita mengatasi masalah dan bangkit semula, bukan bercerita mengenai perkara yang negatif. Jika ramai lagi pihak yang membangkitkan soal pembuangan pekerja dan dijadikan perbincangan terbuka, ramai pekerja yang berasa resah. Semua ini akan menimbulkan keadaan yang tidak baik. Ketika kerajaan berusaha membetulkan keadaan, ada pula pihak yang memberi pandangan yang agak bertentangan. Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap mengenai kestabilan. Tetapi, jika pada masa yang sama ada pihak bercakap mengenai pembuangan pekerja, ia hanya mengelirukan rakyat. Kita berharap pekerja tidak harus bimbang kerana pekerjaan mereka adalah terjamin.

(END)